

Sejarah dan Solidariti Perantau Aceh dan Siam di Kedah Membawa Kesejahteraan Bersama

¹Zulhilmi Paidi, ²Haslinda Binti Hasan, ³Sharifah Ismail, ⁴Mohamad Ismandi Wasli,
⁵Aszlan Selamat

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

zul1085@uum.edu.my¹; haslynda@uum.edu.my²

Abstrak: Kajian mengenai suku-suku Melayu atau perantau banyak dikaji terutamanya di Malaysia. Perantau selalunya berhijrah dengan Kawasan yang dekat atau mempunyai persamaan geografi, budaya, bahasa, adat dan seumpamanya adalah lebih mudah diterima. Ia seiring dengan jalinan persahabatan dan hubungan silam yang lama bertaut. Pengkaji berminat untuk mengkaji perantau Aceh dan orang Siam disebabkan mereka mempunyai persamaan dari aspek solidariti yang kukuh. Semangat solidariti dijelmakan keluar apabila mereka mempunyai keakraban yang rapat walaupun bukan bersaudara. Hubungan jauh tanpa pertalian darah yang erat dan kukuh sehingga sanggup membantu daripada segi kewangan dan tenaga serta pengekalan jati diri seiring dengan kemakmuran hidup bersama. Sejarah kemasukan kedua-dua suku ini adalah berbeza namun semangat untuk merubah hidup membawa pengekalan identiti masing-masing berupaya mewujudkan kesatuan masyarakat yang kukuh. Kedua suku ini berjaya membina komuniti yang mantap di negeri Kedah dan sama-sama mendapat faedah kejayaan dalam kehidupan. Oleh itu sejarah kedatangan dan identiti yang kukuh menyebabkan orang berketurunan Aceh dan Siam berjaya membina komuniti yang kuat di Kedah. Malah mereka telah lama hidup bersama dan berkongsi segalanya dengan penduduk tempatan secara harmoni. Masyarakat tempatan juga menerima mereka sehingga kini dan diiktiraf sebagai orang berketurunan Melayu dan bumiputera.

Kata kunci: Perantau, Aceh, Siam, solidariti dan sejahtera

Pendahuluan

Bangsa Malaysia adalah satu bangsa yang bakal dibentuk melalui transformasi pemikiran, budaya dan pandangan dunia mengenai satu bangsa satu negara bagi semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum kini dan di masa yang akan datang. Bangsa Malaysia hanya akan berjaya diwujudkan apabila semua rakyat bersedia menerima hanya satu nilai kebangsaan. Nilai kebangsaan ini akan menjadi satu identiti bersama dan tidak mengutamakan nilai-nilai etnik masing-masing. Ia juga dipengaruhi oleh nilai bersama dan esprit de corp yang wujud dalam kalangan rakyat di negara kita. Perkara ini yang cuba diteliti dalam kalangan masyarakat sub etnik iaitu masyarakat Aceh di daerah Yan dan Siam di Sik, Kedah.

Kedah negeri yang di utara Semenanjung Malaysia bersempadan dengan laut di sebelah kirinya Kepulauan Sumatera (Aceh) iaitu negara Indonesia dan Thailand (orang Siam) yang bersempadan secara daratan. Kemasukan perantau Aceh atau orang Aceh ke Kedah

rancak semasa penjajahan Belanda yang bersikap kejam ke atas para ulama dan pemerintahannya yang tegas. Manakala Siam pula berlaku kemasukan secara langsung di sebabkan kedudukan yang berhampiran dengan sempadan lebih mudah berlaku migrasi. Kedua negara ini mempunyai agama yang kukuh iaitu Aceh beragama Islam dan Thailand beragama Buddha. Kedudukan geografi yang strategik ini menjadikan Kedah sebagai ruang pertemuan budaya yang dinamik antara kelompok serantau. Interaksi rentas sempadan tersebut turut membentuk identiti sosial masyarakat Kedah melalui pertukaran budaya, bahasa dan amalan tradisi. Selain itu, migrasi dari Aceh dan Thailand memberikan pengaruh signifikan terhadap struktur demografi setempat. Proses ini pada masa yang sama memperkukuhkan jaringan sejarah, spiritual dan perdagangan antara Kedah dan kawasan jiran.

Awalnya di Kepulauan Melayu antara negeri yang paling awal membentuk kerajaan Islam secara rasmi ialah Kesultanan Perlak (abad ke-9) dan Pasai diikuti dengan Kesultanan Kedah (abad ke-12) kemudian terbentuklah kerajaan Islam Samudera-Pasai yang baru pada abad ke-13

Masihi (Ibrahim Bakar, 2023). Kajian orang yang berketurunan Aceh di kedah terdapat di Kampung Aceh daerah Yan kedah dan merupakan tempat yang mempunyai sejarah kampung dan tokoh yang terkenal sehingga kini. Apabila menyorot kembali penghijrahan komuniti Aceh di Tanah Melayu secara khususnya di Kedah, kemunculan orang Aceh di Kampung Aceh, Yan, Kedah dikatakan berpunca daripada kekalahan negeri Aceh ketangan Belanda. Peperangan antara Aceh dengan Belanda berlaku dengan hebat selama 35 tahun. Berakhir pada 1908 apabila Aceh ditawan oleh Belanda. Akibat daripada tidak tahan tinggal di bawah pemerintahan Belanda, maka segolongan orang Aceh terutama sekali para ulama Aceh beserta pengikutnya mengambil keputusan untuk meninggalkan Aceh. Oleh kerana negeri Kedah berhampiran dengan Aceh, maka mereka terus menuju ke pantai di daerah Yan, ada juga yang menuju ke Perak, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Penghijrahan ini berlaku dari tahun 1900 hinggalah ke tahun 1915. Orang Aceh yang datang ke Yan, Kedah dapat digolongkan kepada tiga kumpulan iaitu yang pertama ialah ulama, kedua ialah pemugar tanah dan ketiga ialah peniaga.

Orang Thai atau Siam yang beragama Islam datang dari empat wilayah Selatan Thai iaitu Satun (Setul), Yala, Patani dan Narathiwat telah masuk ke Kedah disebabkan tidak mendapat layanan yang sewajarnya dari pihak pemerintah Thailand sebagai warganegara negara tersebut. Kurangnya layanan yang diberi, telah mencapai ke tingkat penganiayaan, di mana mereka tidak diberi kebebasan dalam beragama. Malah dalam cara berpakaian dan adat istiadat pun mereka dikehendaki berpakaian cara orang Thai Buddha dan mengamalkan adat istiadat tersebut. Akibat daripada rasa tidak puas hati dengan layanan yang sedemikian, satu pemberontakan telah meletus. Pada tahun 1948, orang Thai Islam dari Patani telah masuk ke Kedah seramai enam ribu orang. Kemasukan kali kedua ini disebabkan oleh tindakan pemerintah pusat di Bangkok ke atas pemerintah Patani (Asiah Othman, 1978).

Manakala di daerah Sik pula pengkaji menemui banyak kampung yang didiami oleh orang Siam yang terbukti daripada wujudnya wat-wat Siam. Sik sebenarnya berasal daripada perkataan Arab "Syed". Mubaligh-mubaligh Arab yang membuka penempatan ini apabila mereka berhenti dan singgah dengan perahu di Lubuk Tok Keramat, Sg Chepir (Pekan Sik hari ini). Perkataan "Sik" berasal dari "Syed" atau "Sheikh" dan jika disebut dalam loghat Patani Kelantan, ia berbunyi "Sik". Sebutan di antara bunyi Sik dan Saik dan dikatakan rombongan mubaligh itu berketurunan Wan Ibrahim Mekong (<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/info-sik-mds/>, akses 22/11/2025)

Identiti orang Aceh dan Siam

Komuniti Aceh yang terdapat di Yan sangat tebal dengan identiti keacehan mereka. Misalnya semasa peringkat awal penghijrahan, semangat keacehan amat tinggi dan perasaan kekitaan sukar digugat. Hubungan yang rapat dan mesra antara orang Aceh dengan orang Melayu tempatan wujud sejak dahulu hingga sekarang namun dari segi perkahwinan, jarang berlaku perkahwinan campur antara lelaki Aceh dan perempuan Melayu atau sebaliknya. Mereka lebih tertumpu untuk berkahwin sesama puak Aceh. Hasil temubual pengkaji di Yan menunjukkan yang bapa dan datuk mereka berkahwin dengan wanita Aceh dan masih mempunyai anak cucu di Aceh. Hubungan persaudaraan ini kekal erat sehingga kini. Malah untuk membaiki rumah pun tukang-tukang dari Aceh telah dibawa masuk ke Yan Kedah. Namun kini melalui proses asimilasi dan perkembangan globalisasi, situasi tersebut telah longgar dan bermakna budaya keacehan semakin berkurangan. Perkembangan sistem pendidikan nasional dan perubahan zaman memperlihatkan hubungan sesama kaum atau bangsa dapat dipereratkan termasuklah melalui institusi perkahwinan. Maka jurang antara rakyat berjaya dibendung dan dapat diatasi sedikit demi sedikit. Interaksi budaya Aceh-tempatan berlaku dengan baik dan berjaya mengurangkan jurang perbezaan antara mereka. Walaupun begitu, komuniti Aceh juga dapat mengekalkan identiti akar budayanya terutama dari segi bahasa, masakan, pakaian (sut perkahwinan terutamanya) dan cara hidup mereka sehingga kini. Malah kini boleh dikatakan masyarakat Aceh di Yan fasih berbahasa Aceh, mempunyai masakan yang berbeza contohnya menu belimbing buluh, pakaian perkahwinan yang diimport dari Aceh berserta pelamin dan budaya adat istiadat yang melambangkan jati diri masih utuh.


Identiti paling jelas adalah dalam aspek agama Islam. Menurut buku yang ditulis oleh Wan Shamsudin Mohd Yusof, Kedah merupakan antara negeri yang kaya dengan golongan ulama (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 1995). Ada pendapat yang menyatakan ulama Aceh yang datang ke Tanah Melayu bukan semata-mata ingin melepaskan diri daripada penjajahan Belanda, tetapi membawa tugas untuk meluaskan syiar Islam kepada penduduk di Tanah Melayu khususnya Kedah. Demikian juga apabila ulama ini tiba di Kedah sebagai contoh ulama bersama penduduk kampung telah mendirikan surau dan Madrasah (Meunasah) Al-Irsyadiyah al-Diniyah di kampung Aceh, Yan Kedah. Pembinaan Madrasah (Meunasah) Al-Irsyadiyah al-Diniyah yang ditubuhkan pada 1902 terdiri daripada sebuah balai besar dan sekelilingnya terdapat pondok-pondok kecil. (Fahmi Razali, Muhammad Faisal Sanusi dan Qusaiyen Aly As Su'udi, 2010). Orang Aceh melalui Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid (11 Julai 1943 – 9 Mac 2018) telah mewakafkan tanah dan bangunan sekolah kepada pihak kerajaan negeri Kedah iaitu Maktab Mahmud yang melambangkan

Pendidikan agama Islam yang harus dimantapkan dalam jiwa anak-anak. Gambar 1 ialah sekolah Maktab Mahmud yang memberikan pendidikan menengah aliran agama bermula dari umur 13 sehingga 17 tahun adalah seperti di bawah.



Gambar 1: Koleksi Peribadi (Haslinda Hasan, 2017)

Identiti orang Siam juga boleh dilihat dalam aspek bahasa iaitu penggunaan Bahasa Siam sebagai pertuturan harian dalam keluarga dan komuniti mereka. Aspek masakan yang terkenal ialah tomyam dan pelbagai jenis yang seakan sama dengan orang Melayu tempatan. Mereka juga mempunyai keunikan dalam pemakaian terutama semasa perkahwinan dan beberapa adat atau upacara keagamaan terutama agama Buddha dengan sami yang memainkan peranan penting. Masyarakat Siam di Kedah juga menganut agama Buddha Theravada seperti masyarakat Thai di Thailand. Gambar 2 di bawah adalah salah satu wat (pusat agama) yang terdapat di daerah Sik.



Gambar 2: Wat Kalai (1868) (Pamphlet dari Majlis Daerah Sik bertajuk Jejak Watt "Sik Daerah Pelancongan Ibadah")

Wat Kalai di percayai wujud pada tahun 1868. Ia terletak di Jeneri, Sik. Kuil lama Siam ini dibina oleh Prak Nickrodthamadtada yang merupakan pengasas Wat Kalai. Wat ini juga terkenal oleh Sami Chief Silam CK Bao. Kawasan dalam wat terdapat patung Buddha yang diperbuat daripada tanah liat yang merupakan ywat terbesar di negeri Kedah iaitu dibina pada tahun 1984

dengan kelebaran 45 kaki dan ketinggian 70 kaki. Patung tersebut dihiasi dengan empat dinding konkrit asas dan terdapat lukisan moral yang memaparkan tentang nilai positif yang perlu ada dalam diri penganut Buddha.

Jika dibuat perbandingan dengan orang Aceh agamanya adalah Islam manakala kebanyakan orang Siam di Kedah adalah beragama Buddha. Pada masa dahulu institusi wat dan juga institusi keluarga masyarakat Siam memainkan peranan yang penting dalam memberi didikan agama kepada anak-anak muda. Hanya pemuda yang dihantar ke wat untuk mendapatkan didikan agama. Anak-anak muda yang berumur dalam lingkungan 12 tahun akan dihantar ke wat tersebut untuk belajar agama Buddha dan bahasa Thai. Paling jelas identity orang Siam adalah menyambut perayaan, salah satunya ialah Loy kratong yang merupakan perayaan yang bertujuan untuk menghormati Gautama Buddha. Perayaan ini disambut selepas tengah malam pada setiap bulan November. Menurut kepercayaan masyarakat Siam, pelepasan kratong ke dalam sungai bertujuan untuk membuang sial atau keburukan yang ada pada diri mereka. Kratong akan dibiarkan hanyut mengikut arus pergerakan sungai, dan tidak akan mendatangkan sebarang bencana atau malapetaka seandainya diambil oleh orang lain yang menjumpainya.

Kesimpulan

Sejarah kemasukan penghijrahan orang Aceh dan orang Siam ke Kedah adalah dua etnik yang berbeza namun mendapat keistimewaan sebagai warganegara Malaysia pada hari ini. Kedua suku ini mempunyai solidariti yang tinggi dan jitu terutama dalam aspek keagamaan. Asimilasi yang berlaku telah mewujudkan satu masyarakat Melayu yang meliputi pelbagai suku telah hidup bersama dan harmoni dengan menjadikan agama Islam sebagai jalinan silaturrahim yang utuh dengan masyarakat tempatan. Manakala orang Siam pula walaupun banyak perbezaan daripada aspek kehidupan namun mereka Berjaya menyesuaikan diri malah mendapat hak sebagai bumiputera. Oleh itu Malaysia berjaya menyediakan suasana kehidupan yang sejahtera dan aman kepada pelbagai etnik. Kesejahteraan masyarakat ini menjadi tunjang kemakmuran bersama dengan orang Melayu tempatan apabila mempunyai hubungan yang erat sesama mereka. Hasilnya negeri Kedah menjadi penempatan yang aman dan sejahtera untuk rakyat yang pelbagai suku dan kaum di Malaysia khususnya.

Rujukan

Asiah Othman (1978) Masyarakat Thai di Kedah 1900-1960an satu tinjauan umum mengenai sosial ekonomi dan kegiatan berpersatuan, Bangi, Selangor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fahmi Razali, Muhammad Faisal Sanusi dan Qusaiyen Aly

As Su'udi (2010) Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee, (1886-1973): Ulama Besar dan Guru Umat, Yayasan Darul Ihsan Tgk Hasan Krueng Kalee, Banda Aceh.

Haslinda Hasan (2017), Peranan dan Sumbangan Masyarakat Aceh di Kedah dari Tahun 1900-2000, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/info-sik-mds/>, akses 22/11/2025

Ibrahim Bakar (2023), Naratif Sejarah Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Pamphlet dari Majlis Daerah Sik bertajuk Jejak Watt "Sik Daerah Pelancongan Ibadah"

Wan Shamsudin Mohd Yusof (1995). Alor Setar Sebagai Pusat Perkembangan Bahasa Melayu Di Kedah, dalam Cetera, Jilid 12, Januari, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.

Haslinda Hasan, Indeks Pencapaian Komuniti Migrasi Malaysia: Profail dan Pengkategorian Komuniti Aceh Malaysia bagi Keperluan Sektor Sosial dan Ekonomi, geran KPT Fundamental Research Grant Scheme (SO kod 13230), tidak diterbitkan.

Haslinda Hasan, Elemen Kekitaan Etnik Siam di Sik: Pembinaan Kerangka esprit de corps Minoroti dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia, geran Universiti (UUM), (SO kod 14796, tidak diterbitkan.